

# Penguat kuasa **tonjol imej PBT**

Enam kriteria penting perlu diterapkan dalam diri bagi melahirkan anggota yang cemerlang

**JUGRA** - Tugas dan tanggungjawab penguat kuasa melambangkan imej sesebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mazalan Md Noor berkata, sama ada penguat kuasa terbahit memakai uniform atau tidak mereka ini masih perlu menunjukkan tingkah laku yang baik.

Menurutnya, mereka perlu memberi penampilan yang terbaik dalam usaha membantu menonjolkan sebuah PBT yang terbaik.

"Sifat bersaing dalam kalangan PBT sebenarnya tindakan sihat malah dapat mengetahui penguat kuasa mereka aktif atau sebaliknya.

"Kita mahu lihat penguat



Mazalan (depan) diiringi Muhamad membuat pemeriksaan kawad oleh pelatih Kursus Asas Penguatkuasa Selangor Siri 2/ 2015 di Pulapes, semalam.

kuasa yang menghadiri kursus asas ini juga menjadi barisan hadapan PBT yang boleh menaikkan nama PBT mereka," katanya selepas Merasmikan Majlis Penutup Kursus Asas Penguatkuasa

Selangor Siri 2/2015 di Pusat Latihan Penguatkuasa Selangor (Pulapes), Jugra semalam.

Mazalan berkata, enam kriteria penting perlu diterapkan dalam diri penguat kuasa termasuklah berdisiplin, beril-

mu, berintegriti, jujur dan tegas, sihat fizikal dan mental.

"Kesemua aspek tersebut perlu serasi dalam jiwa penguat kuasa supaya dapat melahirkan anggota yang cemerlang," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pengambilan anggota penguat kuasa di semua PBT bergantung kepada setiap PBT di mana perlu menghantar anggotanya menghadiri kursus bagi memberi pendedahan yang lebih berkesan sebelum menjalankan tugas harian di tempat mereka ditugaskan.

Sementara itu, Komandan Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS), Muhamad Osman berkata, seramai 39 anggota penguat kuasa terlibat pada sesi kali ini.

"Selepas ini Pulapes rancang anjur dua lagi kursus dalam bidang komunikasi dan asas penggunaan senjata selawat-lewatnya akhir tahun ini.

"Kursus ini dibuka kepada semua penguat kuasa di dalam

daerah bagi memantapkan kemahiran bagi seorang penguat kuasa," katanya.

Dalam program tersebut, lima anugerah khas diberikan kepada peserta iaitu Pelatih Akademik Terbaik dimenangi Noor Zawani Zaharudin (Majlis Bandaraya Shah Alam); Anugerah Pelatih Kawad Terbaik dimenangi Fairuz Ezwan Mohamad (Majlis Perbandaran Petaling Jaya); Anugerah Pelatih Aktiviti Luar Terbaik, Nur Izzatie Muhammad Sabri (Majlis Perbandaran Sepang); Anugerah Pelatih Kepimpinan, Mohd Shahnizam Mohd Roza (Majlis Daerah Sabak Bernam) dan Anugerah Pelatih Keseluruhan Terbaik, M Pavithran (Majlis Daerah Sabak Bernam).

# 'Tanah milik PKPS'

**SUNGAI KELAMBU** - Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menafikan pihaknya melengah-lengahkan permohonan sekumpulan petani yang mahukan lesen pendudukan sementara (TOL) di kawasan tanah kerajaan di Sungai Kelambu sebelum ini.

Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman berkata, kawasan berkenaan sebenarnya sudah diberikan kepada pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dalam meneruskan aktiviti mereka dan bukannya atas kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat.

Menurutnya, beliau mengakui terdapat Ahli Jawatankuasa Bertindak Rayuan tampil bagi membuat permohonan pemberi milikan tanah kerajaan kawasan Sungai Kelambu supaya pihaknya segera meluluskan lesen TOL.

"Namun permohonan itu sebenarnya tidak boleh diluluskan walaupun terdapat wakil peneroka yang sudah menerokai kawasan itu sejak dulu lagi.

"Saya difahamkan kira-kira 100 petani mengusahakan tanaman pertanian di kawasan itu, ada juga petani pernah diberikan TOL tetapi sekarang kami tidak dapat berbuat demikian apabila sudah bertukar tangan," katanya.



**ROSLI**

Rosli berkata, buat masa ini status tanah yang dimaksudkan adalah milik PKPS dan tiada arahan untuk menyerahkan tanah tersebut kepada mana-mana pihak.

"Apa yang penting, petani diharapkan tidak memanipulasikan isu tanah berkenaan dan biarlah pihak yang bertanggungjawab menguruskan.

"Buat masa ini masih ada lagi peneroka tanah menjalankan aktiviti tanaman pertanian mereka namun kita masih berdiam diri," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* menerusi artikel 'Peneroka rayu segera luluskan TOL' melaporkan beberapa wakil Ahli Jawatankuasa Rayuan Bertindak memohon menyegerakan pemberian status TOL di Sungai Kelambu.

Kumpulan terbabit memaklumkan keluasan tanah yang wajar diberi geran hanya berkeluasan 0.42 hektar sahaja bagi setiap unit malah sebelum ini terdapat individu tertentu telah dianugerahkan kebun dan tanah yang lebih luas daripada itu.

Wakil AJK Rayuan Bertindak difahamkan penolakan hasrat PKPS untuk mengambil tanah tersebut adalah wajar kerana PKPS tidak pernah mengusahakan tanah tersebut dan sekiranya diberikan hak, peneroka awal inilah lebih memberi manfaat yang lebih besar dibandingkan pihak lain.

## KKKL terima lawatan lima delegasi luar

**JUGRA** - Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) terus menjadi perhatian delegasi dari luar negara termasuk Myanmar dan Laos bagi memahami pelaksanaan pengurusan kualiti pendidikan terutama dalam pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Peperiksaan dan Penilaian Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Dr Noriah Abdul Malek berkata, lima delegasi dari Myanmar dan Laos mengadakan lawatan ke KKKL sebagai salah satu aktiviti 'Capacity Building For National Qualification Framework (NQF): Technical Exchange Programme' mereka ke Malaysia.

Menurutnya, kesemua delegasi diberi penerangan umum mengenai KKKL dan berkongsi bagaimana pelaksanaan dan pemantauan kualiti pendidikan yang diberikan kepada pelanggan dijalankan.

"Sepanjang program, peserta delegasi mendengar penerangan dan sesi soal jawab dibuka bagi membolehkan mereka bertanyakan mengenai pengalaman warga KKKL dalam proses pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan proses penawaran pendidikan yang berkualiti.

"Peserta delegasi juga dibawa melawat kelas dan bengkel bagi melihat sendiri proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung

di KKKL," katanya.

Noriah berkata, penyertaan delegasi itu juga memberi peluang kepada pelajar menunjukkan bakat sekali gus dapat bertukar fikiran sesama mereka.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan dan Sukan Laos, Leuang Vannalek berkata, beliau kagum dengan pencapaian Kolej Komuniti yang dilihat mampu melahirkan pelajar cemerlang.

"Saya lihat komitmen warga KKKL dalam pelaksanaan dan pemantauan sistem pendidikan yang berkualiti kepada pelanggan patut dicontohi," katanya.



Peserta delegasi bergambar bersama wakil daripada KKKL.